

TARIKH : 5 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Gaji minimum usaha kerajaan tampung kenaikan inflasi

Gaji minimum usaha kerajaan tampung kenaikan inflasi

Tindakan cuba seimbangkan bayaran kerja setimpal dengan harga barang

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my


Inflasi adalah faktor yang tidak boleh dielak dalam mana-mana ekonomi, namun dapat ditampung dan diseimbangkan dengan kenaikan gaji setimpal dengan nilai kerja dan kenaikan harga barang.

Beliau berkata, perkara paling utama adalah kerajaan mahu memastikan kadar inflasi berada pada tahap yang baik iaitu dalam lingkungan dua peratus.

"Cuma yang penting adalah inflasi itu dapat ditampung dengan kenaikan gaji setimpal dengan nilai kerja dan kenaikan harga barang.

"Apa yang berlaku sekarang ialah kenaikan gaji dilihat tidak mampu menanggung kenaikan harga barang, jadi fokus kami ketika ini adalah memastikan kenaikan gaji dapat menampung kenaikan inflasi," katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga Kementerian Ekonomi di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai kesan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 yang berkuat kuasa kepada semua majikan mulai 1 Julai lalu.



Rafizi pada Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga kementerian di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Rafizi bagaimanapun mengakui pelaksanaan gaji minimum kepada pekerja di semua sektor, termasuk majikan yang mempunyai kurang lima pekerja berpotensi untuk menaikkan sedikit kadar inflasi negara.

Beliau menegaskan, kerajaan menyedari risiko berkenaan kerana semasa keputusan melaksanakannya diambil, unjuran sudah dibuat.

Kadar inflasi Mei 2.8 peratus

Katanya, pelaksanaan sepenuhnya gaji minimum dibuat dalam keadaan trend inflasi semakin mereda dan turun sembilan bulan berturut-turut dengan kadar inflasi pada Mei lalu, iaitu 2.8 peratus paling rendah dalam tempoh setahun.

"Justeru, di sinilah keseimbangan perlu dibuat, jika tidak soal gaji tidak akan selesai sampai bila-bila kerana setiap kali hendak

naikkan gaji, akan ada yang kata ia boleh menaikkan harga (barang), perniagaan tidak boleh jalan, tetapi pada masa sama pekerja akan terus mengadu gaji tidak mencukupi, kos sara hidup tinggi dan sebagainya. Jadi, sebagai kerajaan kita perlu menyeimbangkan situasi ini.

"Keseimbangan itu adalah dengan memastikan kita ada kenaikan gaji secara beransur-ansur dengan sebahagiannya melalui gaji minimum dan kita harap, sebahagiannya juga melalui dasar gaji progresif yang akan dibentangkan nanti, itu akan boleh mengimbangi walaupun ada risiko inflasi," katanya.

Sementara itu, rata-rata penganalisis berpendapat pelaksanaan gaji minimum sepenuhnya bermula awal bulan ini dijangka tidak memberi tekanan ketara terhadap inflasi tolakan kos.

Pengarah Program MBA Putra

Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata majikan yang mempunyai lima pekerja ke bawah, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tidak dapat menaikkan harga barangan dan perkhidmatan kerana langkah itu hanya akan menjadikan mereka tidak berdaya saing.

"Justeru, kemungkinan mereka cuba mengurangkan kos dengan cara meningkatkan kecekapan atau menggunakan digitalisasi dan automasi.

"Namun, ada juga risiko PKS yang terpaksa 'tutup kedai' jika mereka tidak mampu mengawal kos operasi disebabkan kenaikan gaji minimum ini," katanya kepada BH.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin juga berpandangan pelaksanaan gaji minimum RM1,500

langsung tidak mengakibatkan inflasi tolakan kos.

"Hakikatnya, gaji minimum patut dinaikkan ke tahap RM2,000 atau lebih. Ini lebih mudah dilakukan berbanding dengan usaha kerajaan untuk memperkenalkan skim gaji progresif yang masih lagi belum jelas dari segi kerangka dan juga aspek pelaksanaannya," katanya.

Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Dr Zulkiply Omar pula melihat kemungkinan inflasi tolakan kos terjadi bergantung kepada kesan pelepasan kos oleh peniaga atau pengeluaran.

Beliau berkata, jika pengeluaran atau peniaga melepaskan kenaikan kos mereka kepada pengguna, maka harga akan naik, namun keadaan itu akan mengurangkan daya saing kepada pengeluaran atau peniaga berkenaan.

"Jika peniaga menyerap kenaikan kos berkenaan, produk mereka lebih berdaya saing di pasaran," katanya.

Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, bagaimanapun berkata kesan kepada inflasi sudah pasti ada memandang setiap perniagaan sememangnya berupaya untuk memindahkan kenaikan kos operasi kepada pelanggan melalui kenaikan harga jualan.

"Langkah itu diambil supaya margin keuntungan bagi perniagaan akan dapat dikekalkan. Namun, keputusan ini perlu diambil dengan berhati-hati kerana bimbang mereka boleh kehilangan pelanggan," katanya.